

26/02/1999

Sikap negatif rugikan berjuta ringgit

Sang Bedal

SESUNGGUHNYA rasa bertanggungjawab, prihatin, cintakan alam serta sederhana jika diamalkan memberi satu makna besar dalam pelbagai aspek. Hal paling ketara ialah tidak berlaku kerosakan dan kemusnahan alam sekitar. Ini turut bermakna sumber ikan yang `sangat diperlukan' oleh kaki pancing akan berkekalan pembiakan dan pembesarannya.

Ikan juga menjadi satu komoditi strategik sesebuah negara. Bayangkan kita turut mengimport ikan bernilai lebih RM500 juta setahun. Jika sumber musnah, bermakna jumlah import meningkat. Ini menjejaskan ringgit kita.

Selain itu, kerajaan dan swasta membelanjakan ratusan juta ringgit setahun untuk tujuan memulihara alam sekitar. Ini termasuk kos pengawasan udara, laut dan darat. Kos memadamkan kebakaran hutan, membersihkan tumpahan minyak, membiayai kempen cinta alam sekitar, kempen cintai sungai serta pelbagai kempen lain.

Sang Bedal teringat kata-kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan baraj di Sungai Sarawak tahun alu.

Ketika berucap merasmikannya, beliau mangakui walaupun banyak usaha dan perbelanjaan dikeluarkan bagi membersihkan sungai tetapi tabiat buruk menjadikan sungai sebagai tong sampah untuk membuang kotoran, terus berleluasa.

Beliau kesal dengan perbuatan buruk itu sambil berkata: "Tabiat menggunakan sungai untuk saluran membuang sampah mahupun najis adalah satu tabiat yang masih terdapat di mana-mana saja."

Kemudian laporan menyebut kegiatan mengebom ikan yang `populer' di perairan Sabah kini menukar ke Sarawak. Mengebom ikan cergas di perairan Filipina sebelum `diperkenalkan' ke Sabah.

Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, mengarahkan pihak berkuasa membendung kegiatan itu sebelum ia meranapkan segala isi perut laut di Bumi Kenyalang itu.

San Bedal teringat satu rencana dalam sebuah majalah di Jepun. Ia mengisahkan pewartaan sebatang sungai menjadi santuari sesibu (Yeop Omar di Ipoh sebut caccibor) dan pelbagai spesies ikan.

Moral atau iktibar yang Sang Bedal dapat daripada rencana itu ialah kesedaran mengenai pemuliharaan hidupan liar sama ada sesibu, rama-rama, ikan, burung dan apa jua haiwan yang dikategorikan sebagai `liar, terancam, hampir pupus dan minoriti' itu semakin subur di seluruh dunia.

Jika kita tonton rencana National Geographic, Kingdom of Survival, NHK Documentary atau apa juga dokumentari mengenai hidupan liar, maka jumlah hidupan yang perlu dipulihara sebenarnya terlalu banyak. Malah ada spesies tertentu yang kian terancam atau lenyap langsung.

Sang Bedal setuju dengan langkah kerajaan mewartakan Taman Negara dan Taman Laut sebagai cara memulihara pelbagai khazanah flora dan fauna di darat mahupun di laut.

Apakah itu mencukupi tanpa penguatkuasaan yang lebih tegas?

(END)